



# MANUAL PROSEDUR VETERINARY HEALTH MARK



  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA

# **MANUAL PROSEDUR VETERINARY HEALTH MARK**

**CETAKAN PERTAMA - NOVEMBER 2009  
CETAKAN KEDUA - MAC 2012**

**PENASIHAT : Y.BHG. DATUK DR. ABD. AZIZ BIN JAMALUDDIN  
DR. ZALIHA BT. ABDULLAH**

## **AHLI JAWATANKUASA PENULISAN MANUAL PROSEDUR VHM :**

**DR. ASIAH BT. NAINA MOHD. ALIM  
DR. GULAM SHAH BIN FAZAL DIN  
DR. MOKTIR SINGH A/L GARDIR SINGH  
DR. MOHAMMAD RAZLI BIN ABD. RAZAK  
DR. NORHALIZA BT. ABDUL HALIM  
DR. JUMAIZA MIZWA BT. MOHD TERMIZI**

## **URUSETIA DARIPADA BAHAGIAN DIAGNOSTIK DAN KEPASTIAN KUALITI :**

**DR. ZURINA BT. RAMLI  
DR. YAP SIEW LEE  
DR. ZAITUN NATAHAIN BT. MOHD DIAH**

Penghargaan dan terima kasih kepada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam urusan penerbitan buku manual ini.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA**

# KANDUNGAN

	Muka Surat
1. PENGENALAN	1
2. SKOP	2
3. TAKRIFAN	2
4. KEPERLUAN BAGI PENSIJILAN VHM	7
5. PROSEDUR PERMOHONAN	8
6. KADAR CAJ PERKHIDMATAN	8
7. KEPERLUAN UMUM BAGI SKIM PENSIJILAN VHM	
7.1. Dokumentasi	9
7.2. Lokasi	9
7.3. Kawalan Operasi	11
7.4. Program Latihan	18
7.5. Kemudahan	18
8. PROSEDUR PENSIJILAN	
8.1. Semakan Borang Asas (VHM No. 1)	22
8.2. Pegawai Rundingcara	22
8.3. Pengauditan	23
8.4. Audit Pematuhan ( <i>Compliance Audit</i> )	23
8.5. Audit Pemantauan ( <i>Surveillance Audit</i> )	25
8.6. Audit Pemeriksaan Semua ( <i>Review Audit</i> )	25
8.7. Ketidapatuhan ( <i>CAR</i> )	26
9. JAWATANKUASA KELULUSAN SIJIL VHM	27
10. SKOP PEMERIKSAAN	27
<b>PENGANUGERAHAN SIJIL “VETERINARY HEALTH MARK” (VHM)</b>	
1. PROSEDUR KELULUSAN	29
2. TEMPOH	29
3. LOGO VHM	29
4. SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN LOGO VHM	
4.1. Syarat penggunaan logo	30
4.2. Syarat pembatalan logo	31
5. TANGGUNGJAWAB PEMEGANG SIJIL VHM	
5.1. Kesedaran dan Tanggungjawab	32
5.2. Pemantauan Pemegang Sijil VHM	32
6. PROSEDUR PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN	32
<b>Lampiran:</b>	
1. Carta aliran penganugerahan sijil VHM	36
2. Borang maklumat asas bagi permohonan menyertai Skim VHM (AP/DVS/VHM No. 1)	38
3. Application form for VHM Certification Scheme Award (AP/DVS/VHM No. 2)	40

## 1. PENGENALAN

Logo "*Veterinary Health Mark*" (VHM) merupakan lambang kualiti di bawah Skim Pensijilan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. Ia dianugerahkan kepada abatoir dan/atau loji pemprosesan produk makanan hasil ternakan. Logo juga menandakan bahawa abatoir dan loji pemprosesan berkenaan telah **akur** sepenuhnya kepada syarat keperluan **piawaian minima** *Hygiene and Sanitation, Good Manufacturing Practice (GMP), Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP)* dan *Environmental Control*.

Logo ini dapat mewujudkan keyakinan pengguna ke atas keselamatan produk dan dijadikan sebagai kaedah penggalak pemasaran. Program ini juga membantu mempercepatkan proses pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar (*Veterinary Health Certificate*) untuk tujuan eksport.

Pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar yang segera berlandaskan peruntukan "*Animal Rules 1962*", membolehkan pemproses akur kepada syarat keperluan mandatori yang dikenakan oleh negara pengimport dan merancang program eksport mereka dengan lebih berkesan lagi.

Penyertaan dalam program ini bersifat sukarela dan terbuka kepada semua abatoir dan/atau loji pemprosesan makanan hasil ternakan. Walau bagaimanapun, penyertaan program dimestikan kepada semua abatoir dan/atau loji pemprosesan makanan hasil ternakan berorientasikan eksport. Ini selaras dengan syarat negara pengimport yang mewajibkan pensijilan veterinar oleh Pihak Berkuasa Veterinar di negara pengeluar.

## 2. SKOP

Manual Prosedur ini boleh digunapakai oleh Pegawai Pemeriksa Veterinar dan pengusaha industri yang merangkumi abatoir dan/atau loji pemprosesan produk makanan hasilan ternakan di Malaysia. Manual ini bertujuan untuk menjelaskan keperluan yang perlu dipatuhi dalam mendapatkan logo VHM Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Malaysia.

## 3. TAKRIFAN

Bagi tujuan Manual Prosedur ini takrifan berikut adalah digunapakai.

### LOGO VHM:

Logo VHM bermaksud logo yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan mengandungi:-



**Loji pemrosesan:**

Bangunan yang kekal yang digunakan untuk pemrosesan dan penyimpanan produk makanan dari penerimaan ternakan/bahan mentah, penyediaan, pemrosesan, pembungkusan, penyimpanan dan pengedaran produk.

**Abatoir:**

Rumah sembelih atau premis untuk menyembelih dan/atau memproses ternakan.

**Keselamatan Makanan:**

Memastikan makanan tidak menyebabkan bahaya kepada pengguna apabila ia disediakan atau/dan dimakan mengikut arahan penggunaannya. Makanan yang baik adalah makanan yang bebas daripada sebarang agen biologi, bahan kimia dan bahan fizikal yang berpotensi menyebabkan kemudaratan kepada kesihatan.

**Pembersihan:**

Membuang sebarang tanah, kotoran, minyak, sisa makanan dan bendasing.

**Pencemaran:**

Sebarang kontaminasi yang boleh mencemarkan makanan atau persekitaran kawasan pemrosesan makanan.

**Disinfektan:**

Bahan kimia gred makanan (*food grade*) yang digunakan bagi mengurang atau membasmi mikroorganisma ke tahap yang tidak berbahaya kepada keselamatan dan kesesuaian makanan.

**Amalan Pengilangan Yang Baik; *Good Manufacturing Practice (GMP)*:**

Prosedur untuk memastikan produk yang dikeluarkan memenuhi keperluan kualiti dan keselamatan yang merangkumi kaedah, peralatan, kemudahan dan kawalan.

***Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP)*:**

Teknik atau proses atau sistem pengurusan untuk kepastian keselamatan makanan yang diamalkan di sepanjang rantai pemprosesan makanan. *Malaysian Standards MS 1480:2007*.

**Amalan Penternakan Baik; *Good Animal Husbandry Practice (GAHP)*:**

Prosedur untuk memastikan ternakan dipelihara di ladang memenuhi keperluan kualiti dan keselamatan merangkumi kaedah, peralatan, kemudahan dan kawalan bagi semua ternakan yang dipelihara di ladang, seperti yang digariskan dalam *Malaysian Standards MS 2027:2006*.

**Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT):**

Skim pensijilan yang diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar kepada ladang yang memenuhi syarat seperti yang digariskan dalam “Buku Panduan Skim Amalan Ladang Ternakan”.

***Good Veterinary Hygiene Practice (GVHP)*:**

Skim pensijilan yang diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar kepada abatoir dan loji pemprosesan produk makanan hasil ternakan yang memenuhi syarat seperti yang digariskan dalam “Buku Panduan Skim Amalan Kebersihan Veterinar Yang Baik (GVHP)”.

**Bahaya/Hazard:**

Sebarang agen biologi, bahan kimia dan bahan fizikal yang berpotensi menyebabkan kemudaratan kepada kesihatan – *Malaysian Standards MS 1480:2007*.

**Sanitasi:**

Proses pembersihan bagi mengurang atau membasmi mikroorganisma ke tahap yang tidak berbahaya kepada keselamatan dan kesesuaian makanan dengan menggunakan bahan kimia dan/atau kaedah fizikal yang sesuai.

**Buangan Kumbahan (*Waste treatment*):**

*(Environmental Quality Scheduled Wastes Regulations 2005)*.

**Air (*potable water*):**

Air yang selamat untuk diminum sepertimana yang dispesifikasi di bawah Peraturan 394, Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Akta Makanan 1983.

**Produk haiwan:**

Sebarang bahan dari haiwan yang telah diproses untuk dijadikan bahan makanan.

**Pemprosesan:**

Semua aktiviti yang berkaitan dengan penyediaan produk hasilan ternakan yang boleh dimakan dan termasuk kerja-kerja seperti proses penyembelihan, pembersihan, pengendalian, penyimpanan dan pembungkusan produk makanan.

**Program Kepastian Kualiti; *Quality Assurance Programme (QAP)*:**

Semua aktiviti merangkumi rekabentuk, pembangunan, pengurusan, pengeluaran, perkhidmatan, dokumentasi dan proses pemeriksaan.



**Audit:**

Pemeriksaan berasaskan bukti, yang dilakukan secara bebas dan sistematik, dilakukan oleh Pegawai Pemeriksa Veterinar terlatih, bagi mengenalpasti sama ada aktiviti elemen VHM dan keputusan yang berkaitan mematuhi perancangan yang disusun dan sama ada ianya dilaksanakan secara efektif dan bersesuaian dalam mencapai objektif keselamatan makanan.

**Juruaudit:**

Pegawai Pemeriksa Veterinar yang berkebolehan secara teknikal berkenaan dengan sistem VHM dan audit khususnya mengenai pemprosesan makanan dan dilantik secara rasmi oleh pihak DVS.

**Kepatuhan:**

Aktiviti yang dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan sebagaimana dalam manual VHM dan dokumen sokongan.

**Ketidakpatuhan:**

Aktiviti yang dijalankan tidak mematuhi atau mengikut prosedur yang sedia ada.

**Arahan Tindakan Pembedulan; *Corrective Action Request (CAR)*:**

Ketidakpatuhan yang didokumenkan oleh juruaudit dan memerlukan tindakan pembedulan yang memuaskan oleh pihak yang diaudit.

**4. KEPERLUAN BAGI PENSIJILAN VHM**

4.1 Setiap abatoir dan loji pemprosesan mesti membangunkan GMP, GHP dan HACCP dan melaksanakan sekurang-kurangnya 3 bulan.

- 4.2 Setiap abatoir dan loji pemprosesan hendaklah memastikan setiap bekalan bahan mentah berasaskan ternakan diperolehi daripada pembekal yang mempunyai logo VHM/GVHP/GMP/HACCP manakala ternakan hidup diperolehi daripada ladang yang mempunyai SALT/GAHP.
- 4.3 Setiap abatoir dan loji pemprosesan hendaklah mempunyai seorang pegawai kepastian kualiti (QA/QC) yang berkeelayakan dan tetap.
- 4.4 Setiap abatoir dan loji pemprosesan hendaklah memastikan prosedur VHM dipatuhi dalam segala aspek seperti yang digariskan dalam manual prosedur ini.

## **5. PROSEDUR PERMOHONAN**

- 5.1 Abatoir dan/atau loji-loji yang berminat untuk menyertai program ini boleh membuat permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Borang-borang boleh diperolehi daripada Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Malaysia atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri atau muat turun daripada Portal Rasmi DVS, <http://www.dvs.gov.my/vhm> (AP/DVS/VHM NO. 1) – Lampiran 2.
- 5.2 Pemohon perlu mengisi borang No. 1 dan hantar kepada Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya.
- 5.3 Borang tersebut akan diproses di peringkat Ibu Pejabat dan sekiranya didapati layak, pemohon akan diminta untuk mengisi Borang No.2 (AP/DVS/VHM NO. 2) – Lampiran 3.

## 6. KADAR CAJ PERKHIDMATAN

Buat masa ini tiada sebarang bayaran dikenakan untuk perkhidmatan dan pensijilan VHM. Walau bagaimanapun, kerajaan mempunyai hak untuk mengenakan bayaran yang relevan dan berpatutan ke atas semua jenis perkhidmatan yang dibekalkan, jika perlu.

## 7. KEPERLUAN UMUM BAGI SKIM PENSIJILAN VHM

### 7.1 Dokumentasi

Pemohon perlu menyediakan dan mengemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dokumen-dokumen seperti berikut:

7.1.1 Program Kepastian Kualiti; *Quality Assurance Programme* (QAP) yang mengandungi:

- a) Amalan Pengilangan Baik; *Good Manufacturing Practice* (GMP)
- b) Amalan Kebersihan Baik; *Good Hygiene Practice* (GHP)

7.1.2 Pelan HACCP

### 7.2 Lokasi

Faktor-faktor berikut perlu diambil kira apabila menentukan lokasi premis:

7.2.1 Bebas daripada sebarang bentuk pencemaran yang boleh menjejaskan keselamatan produk.

- 7.2.2 Bebas daripada bencana banjir.
- 7.2.3 Bebas daripada masalah pencemaran seperti bau, pencemaran air, kehadiran makhluk perosak dan sebagainya yang boleh menjejaskan kesihatan umum dan keselamatan produk.
- 7.2.4 Jarak antara kawasan penempatan dengan premis mengikut garis panduan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

### **Premis**

Faktor-faktor berikut perlu diambil kira untuk keperluan premis:

- 7.2.5 Rekabentuk premis hendaklah sesuai dengan tujuan penggunaannya; dapat mengawal risiko pencemaran, amalan kebersihan (*hygiene* dan sanitasi) dan pencegahan makhluk perosak.
- 7.2.6 Premis yang digunakan untuk menerima, memproses dan menyimpan produk perlu mempunyai susun atur dan aliran proses yang baik bagi mengelakkan pencemaran silang (*criss-crossing* dan *back-tracking*).
- 7.2.7 Bahan binaan yang digunakan untuk dinding, siling, lantai, pintu dan tingkap hendaklah mudah dibersihkan, diselenggara, bebas toksik, tidak serap air, tahan karat dan tidak mengakibatkan kontaminasi silang.
- 7.2.8 Rekabentuk kawasan penerimaan dan pemunggahan produk akhir perlu mengambil kira sistem rantai sejuk bagi mengelakkan pencemaran silang.

7.2.9 Rekabentuk sistem saluran paip air, elektrik dan alat pendingin hawa tidak menyebabkan pencemaran silang dan kondensasi.

7.2.10 Permukaan yang bersentuhan dengan produk tidak menjejaskan keselamatan makanan.

### **7.3 Kawalan Operasi**

#### **7.3.1 PENERIMAAN BAHAN MENTAH**

- a) Sumber bahan mentah daripada pembekal yang diluluskan.
- b) Setiap penerimaan bahan mentah, bahan ramuan dan aditif makanan hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. (Akta Makanan 1983 dan Akta Binatang 1953).
- c) Bahan pembungkusan perlu diambil daripada pembekal yang diluluskan.
- d) Penerimaan semua bahan mentah dalam keadaan baik dan perlu disimpan, digunakan dan diedar mengikut kesesuaian bahan tersebut.
- e) Bahan mentah yang diterima perlu direkod dan dilabel bagi memudahkan sistem giliran stok berjadual (*first in-first out*).

#### **7.3.2 PEMROSESAN**

Prosedur kawalan yang berkesan di setiap pemprosesan perlu dilaksanakan.

- a) Kawalan masa dan suhu bagi memastikan keselamatan dan kualiti produk mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- b) Peralatan seperti pengukur masa, suhu dan berat perlu dikalibrasi mengikut jadual.
- c) Aliran pemprosesan perlu dipastikan tiada pencemaran silang berlaku.
- d) Kemudahan fizikal, kimia dan biologi perlu diambil kira untuk mengelakkan pencemaran.

### 7.3.3 PEMBUNGKUSAN

- a) Bahan pembungkusan yang digunakan perlu diterima dalam keadaan baik.
- b) Bahan pembungkusan yang digunakan hendaklah berkualiti gred makanan (*food grade*).
- c) Pelabelan makanan hendaklah mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985.
- d) Sistem rekod dan pelabelan pada pembungkusan dapat membantu pengesanan balik (*traceability*) daripada pengeluaran.

#### 7.3.4 PENYIMPANAN PRODUK AKHIR

- a) Produk akhir perlu disimpan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Pada suhu bilik (*Room temperature product*)

- i. Suhu sejuk (*chill*) 4 °C hingga -4 °C
  - ii. Suhu beku (*frozen*) -8 °C hingga -12 °C
  - iii. Suhu beku (*deep frozen*) -18 °C dan ke bawah
- b) Pemantauan dan kawalan bagi menentukan suhu dan masa perlu dijalankan.
- c) Penyelenggaraan peralatan penyimpanan perlu dilaksanakan mengikut jadual.
- d) Produk akhir perlu diletak dan disusun di atas *pallet* yang mudah dibersihkan dan tidak menyebabkan kontaminasi kepada produk. Produk tidak bersentuhan dengan lantai dan dinding bagi tujuan pembersihan dan pemeriksaan.
- e) Penyimpanan produk akhir perlu diasingkan daripada penyimpanan bahan mentah.
- f) Produk akhir disimpan dan dikendali dengan baik untuk mengelakkan kerosakan dan mengamalkan penggiliran stok berjadual (*first in-first out*).

### 7.3.5 PERALATAN DAN PERKAKASAN

- a) Peralatan dan perkakasan yang digunakan perlu mempunyai reka bentuk yang sesuai dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- b) Bahan yang tidak toksik, kalis air, tidak menyerap bau dan tidak berkarat.
- c) Mudah dibersihkan, diselenggara dan tidak bertindak balas dengan bahan pencuci dan *sanitizer*.
- d) Susun atur peralatan dan perkakasan hendaklah bersesuaian supaya mudah dicuci dan diselenggara.
- e) Tentukan peralatan dan perkakasan perlu dibuat mengikut jadual.

### 7.3.6 PENYELENGGARAAN DAN SANITASI

- a) Premis dan peralatan perlu berada dalam keadaan baik dan diselenggara untuk:
  - (i) Memudahkan prosedur sanitasi.
  - (ii) Berfungsi seperti yang ditetapkan.
  - (iii) Menghalang pencemaran produk seperti habuk logam, serpihan lepa, debu dan bahan kimia.
- b) Pemantauan secara berterusan perlu dilaksanakan dan didokumentasikan untuk memastikan keberkesannya.



- c) Semua bahan kimia (*sanitizer* dan disinfektan) digunakan dengan betul mengikut sukatan yang disyorkan oleh pengeluar.
- d) Proses pembersihan hendaklah memastikan tiada sisa makanan.
- e) Bahan pelincir yang digunakan perlu berkualiti gred makanan (*food grade*).
- f) Menyediakan dokumen SSOP (*Sanitary Standard Operating Procedure*) dan memastikan program tersebut dilaksanakan dengan berkesan.

#### 7.3.7 PENGANGKUTAN DAN PENGEDARAN

- a) Semasa aktiviti pengangkutan dan pengedaran dijalankan, produk mesti dilindungi secara berkesan daripada pencemaran dan kerosakan.
- b) Mempunyai kaedah pengawalan yang berkesan ke atas suhu dan kelembapan bagi melindungi produk daripada mikroorganisma berbahaya dan kerosakan yang menyebabkan ia tidak selamat untuk dimakan.
- c) Pemantauan suhu yang direkodkan perlu disediakan untuk produk-produk mudah rosak.

### 7.3.8 PROGRAM KAWALAN MAKHLUK PEROSAK

- a) Program kawalan makhluk perosak perlu dilaksanakan dan didokumentasikan dengan lengkap dan mengikut kesesuaian bangunan dan sistem operasi.
- b) Pestisid yang digunakan perlu mendapat kelulusan daripada pihak berwajib, dilabelkan dan disimpan di tempat khas.
- c) Jika menggunakan perkhidmatan syarikat kawalan makhluk perosak, perlu dipastikan bahawa syarikat tersebut berdaftar dengan pihak berkuasa.
- d) Pastikan perangkap beracun tidak diletakkan di dalam kawasan pemprosesan agar tidak mencemarkan produk, bahan mentah, bahan pembungkusan dan peralatan.

### 7.3.9 PENGURUSAN SISA KUMBAHAN

- a) Program pengurusan sisa kumbahan hendaklah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).
- b) Sisa kumbahan (cecair dan pepejal) perlu dibuang tanpa menjejaskan dan mencemarkan aktiviti pemprosesan daripada bahan mentah kepada produk akhir.

- c) Semua sistem rangkaian paip air, sisa cecair perlu diasingkan dan pembentungan hendaklah mencukupi.

#### 7.3.10 PEKERJA

- a) Pekerja hendaklah mengamalkan amalan kebersihan yang baik (*Good Hygiene Practice*).
- b) Semua pekerja yang mengendalikan produk makanan perlu mendapatkan imunisasi yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- c) Pekerja yang tidak sihat atau disyaki menghidap penyakit berjangkit tidak dibenarkan memasuki mana-mana kawasan pemprosesan.
- d) Pekerja tidak dibenarkan memakai barang hiasan, jam, pin dan barang kemas semasa bertugas di kawasan pemprosesan.
- e) Pelawat yang memasuki kawasan pemprosesan hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan.

#### 7.3.11 SISTEM PENARIKAN BALIK (*RECALL*)

- a) Sistem penarikan balik perlu didokumenkan bagi memastikan pengesanan produk dan penarikan balik produk secara berkesan sebaik sahaja pencemaran produk dikenalpasti atau terdapat aduan pengguna terhadap keselamatan makanan.

- b) Sistem penarikan balik produk akan berkesan dengan adanya pelabelan dan pengesanan yang baik.
- c) Perlu menjalankan *mock recall* setahun sekali.

#### 7.3.12 AUDIT DALAMAN

- a) Audit dalaman perlu dijalankan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun oleh **pasukan kepastian kualiti**.
- b) Tindakan pembetulan perlu diambil oleh pihak pengurusan sekiranya ada ketidakpatuhan.
- c) Prosedur ini perlu didokumenkan dan dilaporkan.

### 7.4 Program Latihan

- 7.4.1 Jadual latihan tahunan perlu disediakan dan didokumenkan yang meliputi HACCP, GMP dan GHP.
- 7.4.2 Latihan perlu dijalankan berdasarkan program yang ditetapkan.
- 7.4.3 Semua pengusaha dan pekerja hendaklah menyertai program latihan secara berjadual.
- 7.4.4 Penilaian program latihan perlu dilakukan untuk menilai keberkesanannya.

## 7.5 Kemudahan

### 7.5.1 KEMUDAHAN KEBERSIHAN & SANITASI

7.5.1.1 Kemudahan kebersihan yang mencukupi perlu disediakan untuk pekerja dan boleh digunakan di kawasan operasi, direkabentuk dan diselenggara dengan baik setiap hari.

7.5.1.2 Kemudahan tersebut termasuk:

- (i) Tempat membasuh tangan termasuk sinki (*hands-free*), tong sampah (*hands-free*), sabun cecair, bekalan air bersih yang berterusan dan tisu pakai buang.
- (ii) Tandas dan bilik persalinan yang mencukupi untuk pekerja.

7.5.1.3 Tandas mempunyai kemudahan seperti yang dinyatakan dalam perkara 7.5.1.2 (i) dan tidak terbuka secara langsung ke ruang pemprosesan produk yang digunakan.

7.5.1.4 Kemudahan membasuh dan membersihkan peralatan direkabentuk, dibina dan diselenggara untuk mengelakkan pencemaran.

### 7.5.2 KEMUDAHAN BEKALAN AIR

7.5.2.1 Bekalan air yang selamat (*potable water*) dan mencukupi untuk tujuan pemprosesan dan membasuh peralatan.

- 7.5.2.2 Menyediakan simpanan bekalan air yang mencukupi untuk sekurang-kurangnya 2 hari.
- 7.5.2.3 Penyambungan silang tidak boleh dilakukan untuk bekalan yang selamat dan tidak selamat.
- 7.5.2.4 Ais perlu dibuat daripada bekalan air yang selamat (*potable water*).

### 7.5.3 SISTEM PERPARITAN

- 7.5.3.1 Sistem perparitan di luar bangunan perlu direkabentuk supaya mempunyai sistem saluran yang baik.
- 7.5.3.2 Sistem perparitan di dalam bangunan perlu direkabentuk supaya mempunyai sistem saluran yang baik, mudah dibersihkan dan menghalang kemasukan/pembiakan makhluk perosak serta tidak mencemarkan produk.
- 7.5.3.3 Aliran sistem perparitan tidak menyebabkan pencemaran dalam kawasan pemprosesan.
- 7.5.3.4 Sistem aliran perparitan perlu bergerak dari kawasan bersih ke kawasan kotor.

### 7.5.4 PENCAHAYAAN

- 7.5.4.1 Kecerahan cahaya perlulah mencukupi bagi memenuhi kehendak operasi.

7.5.4.2 Lekapan lampu perlu berpenutup dengan penutup tahan pecah untuk mengurangkan risiko pencemaran produk.

#### 7.5.5 PENGUDARAAN

7.5.5.1 Kemudahan pengudaraan yang mencukupi perlu disediakan untuk mengelakkan pencemaran kepada produk. (Contoh: kondensasi asap atau wap)

7.5.5.2 Pengaliran udara perlu dari kawasan yang bersih ke kawasan yang kotor.

#### 7.5.6 PENYIMPANAN

7.5.6.1 Kemudahan penyimpanan bagi produk makanan, bahan ramuan dan bahan kimia bukan makanan perlu disediakan.

7.5.6.2 Kemudahan penyimpanan produk makanan dan bukan makanan perlu direkabentuk dan dibina bagi memudahkan:

- (i) Penyelenggaraan dan pembersihan.
- (ii) Mengelakkan kemasukan makhluk perosak.
- (iii) Bagi keperluan khas, tempat penyimpanan yang memerlukan kawalan suhu dan kelembapan hendaklah disediakan mengikut spesifikasi.

## **8. PROSEDUR PENSIJILAN**

### **8.1 Semakan Borang Asas (VHM No. 1)**

- 8.1.1 Borang Asas (VHM No. 1) yang diterima akan disemak. Surat pemberitahuan penerimaan Borang Asas (VHM No. 1) akan dimaklumkan kepada pemohon.
- 8.1.2 Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti akan melantik dua (2) Pegawai Rundingcara untuk memberi khidmat nasihat kepada pemohon.
- 8.1.3 Carta aliran proses pensijilan seperti Lampiran 1.

### **8.2 Pegawai Rundingcara**

- 8.2.1 Pegawai Rundingcara akan melawat dan memeriksa kesesuaian premis tersebut bagi memenuhi keperluan Skim Pensijilan VHM.
- 8.2.2 Pegawai Rundingcara akan memberi nasihat supaya premis tersebut akur kepada syarat-syarat permohonan VHM.
- 8.2.3 Kelayakan pemohon untuk menyertai Skim Pensijilan VHM akan dipertimbangkan berdasarkan laporan hasil lawatan Pegawai Rundingcara. Sekiranya layak, pemohon akan diminta untuk mengisi Borang Permohonan (VHM No. 2).



### **8.3 Pengauditan**

Pemohon perlu mengisi borang permohonan Skim Pensijilan (VHM No. 2) dan disertakan dengan dokumen QAP dan HACCP dan dokumen-dokumen sokongan yang lain kepada Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti.

#### **8.3.1 Audit Dokumen (*Adequacy Audit*)**

8.3.1.1 Ketua Seksyen Audit dan Pensijilan akan melantik seorang pegawai bagi menjalankan *Adequacy Audit*.

8.3.1.2 Audit dilaksanakan ke atas borang permohonan yang diterima bagi memastikan isi kandungan dan dokumen sokongan bagi setiap butiran di dalam borang permohonan mematuhi syarat/keperluan minima VHM dengan menggunakan senarai semak *Adequacy Audit* (VHM No. 3).

### **8.4 Audit Pematuhan (*Compliance Audit*)**

8.4.1 Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti akan melantik dua (2) Pegawai Pemeriksa Veterinar untuk menjalankan audit pematuhan dan memaklumkan kepada pemohon. Audit pematuhan merangkumi audit dokumen, QAP dan HACCP, audit lapangan dan audit susulan.

- 8.4.2 Tarikh audit akan dipersetujui bersama di antara juruaudit dan pemohon. Kegagalan pemohon mempersetujui tarikh audit pematuhan dalam tempoh sebulan akan menyebabkan permohonan terbatal dengan sendirinya.
- 8.4.3 Apabila audit pematuhan dijalankan dan tiada ketidakakuran (*CAR*) dikeluarkan oleh Pegawai Pemeriksa Veterinar, maka Pegawai Pemeriksa Veterinar akan menyediakan dan membentangkan laporan kepada Jawatankuasa Teknikal Penganugerahan Skim Pensijilan Jabatan untuk pertimbangan.
- 8.4.4 Sekiranya terdapat ketidakpatuhan semasa audit dijalankan, *CAR* akan dikeluarkan. Tindakan pembetulan perlu dilakukan.
- 8.4.5 Jika perlu, audit susulan akan dijalankan bagi mengesahkan semua ketidakpatuhan telah diambil tindakan pembetulan oleh pemohon.
- 8.4.6 Kegagalan pemohon mengambil tindakan pembetulan ke atas ketidakpatuhan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh *CAR* dikeluarkan akan menyebabkan permohonan dibatalkan.
- 8.4.7 Apabila dianugerahkan Logo VHM, pemohon akan diberi surat pemberitahuan kelulusan, No. Establishmen Logo VHM dan syarat-syarat yang mesti dipatuhi.

## **8.5 Audit Pemantauan (*Surveillance Audit*)**

- 8.5.1 Seksyen Pemeriksaan Veterinar, Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS akan menjalankan audit pemantauan secara berkala untuk memastikan premis yang telah dianugerahkan Sijil VHM mengekalkan kriteria pensijilan dan pelaksanaan elemen GMP dan HACCP.
- 8.5.2 Kekerapan pengauditan juga bergantung pada keperluan semasa.

## **8.6 Audit Pemeriksaan Semula (*Review Audit*)**

- 8.6.1 Ketua Seksyen Audit dan Pensijilan akan melantik dua (2) Pegawai Pemeriksa Veterinar untuk menjalankan audit pemeriksaan semula sekali setahun.
- 8.6.2 Audit pemeriksaan semula hendaklah dilakukan jika terdapat perubahan-perubahan seperti berikut:
  - 8.6.2.1 Penambahan produk selepas dianugerahkan sijil VHM.
  - 8.6.2.2 Premis
    - Perpindahan premis.
    - Perubahan teknologi pemprosesan dan pengeluaran.
  - 8.6.2.3 Perubahan pihak pengurusan.

8.6.3 Pemohon perlu memaklumkan kepada Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti bagi perubahan di atas untuk mendapatkan kelulusan.

8.6.4 Audit pemeriksaan semula juga dijalankan untuk memperbaharui Sijil VHM.

## **8.7 Ketidapatuhan (CAR)**

Aktiviti yang dijalankan tidak mematuhi atau mengikut prosedur yang sedia ada.

### **8.7.1 Kategori Ketidapatuhan (CAR)**

8.7.1.1 Minor – Penyimpangan daripada elemen HACCP yang tidak menjejaskan keselamatan makanan.

8.7.1.2 Major – Penyimpangan daripada keperluan (*MS 1480 : 2007 Malaysian Standards on Food Safety According to HACCP System*) yang boleh menjejaskan keselamatan makanan.

8.7.1.3 Serius – Penyimpangan daripada keperluan (*MS 1480 : 2007 Malaysian Standards on Food Safety According to HACCP System*) yang boleh menjejaskan keselamatan makanan. Ketidapatuhan serius menunjukkan kegagalan dalam sistem keselamatan makanan, di mana memberi kesan secara langsung terhadap keselamatan makanan.

8.7.1.4 Pemantauan – Penambahbaikan disyorkan.

## **9. JAWATANKUASA KELULUSAN SIJIL VHM**

- 9.1 Laporan audit pematuhan akan dikemukakan oleh Pegawai Pemeriksa Veterinar kepada Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti. Laporan ini akan dibentangkan oleh Pegawai Pemeriksa Veterinar kepada Jawatankuasa Teknikal Penganugerahan Skim Pensijilan Jabatan untuk pertimbangan.
- 9.2 Jawatankuasa Teknikal Penganugerahan Skim Pensijilan Jabatan akan mengesyorkan kepada Jawatankuasa Penganugerahan Skim Pensijilan Jabatan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 9.3 Jawatankuasa berhak menolak atau meluluskan mana-mana permohonan.

## **10. SKOP PEMERIKSAAN**

Pemeriksaan merangkumi perkara-perkara berikut:

- 10.1 Dokumentasi
  - 10.1.1 GMP
  - 10.1.2 HACCP
  - 10.1.3 Dokumen-dokumen berkaitan
- 10.2 Premis
  - 10.2.1 Tapak lokasi
  - 10.2.2 Bangunan
- 10.3 Pemprosesan dan Pengendalian.
- 10.4 Peralatan dan Perkakasan.

- 10.5 Kebersihan, Sanitasi dan Keselamatan Makanan.
- 10.6 Kemudahan.
  - 10.6.1 Kemudahan *Hygiene* Sanitasi
  - 10.6.2 Kemudahan Bekalan Utiliti (Air dan Elektrik)
  - 10.6.3 Sistem Perparitan
  - 10.6.4 Pencahayaan
  - 10.6.5 Pengudaraan
  - 10.6.6 Penyimpanan
- 10.7 Pengangkutan dan Penedaran.
- 10.8 Kawalan Makhluk Perosak.
- 10.9 Pengurusan Sisa Kumbahan.
- 10.10 Personel.
- 10.11 Sistem Penarikan Balik.
- 10.12 Pemeriksaan Dalaman.
- 10.13 Program Latihan.

**PENGANUGERAHAN SIJIL  
VETERINARY HEALTH MARK  
(VHM)**

## **1. PROSEDUR KELULUSAN**

- 1.1. Sijil VHM akan dianugerah kepada abatoir dan loji pemprosesan setelah permohonan yang berkenaan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
- 1.2. Semua pemegang sijil VHM layak dan dibenar menggunakan logo tersebut ke atas produk yang telah diluluskan.
- 1.3. Sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan dengan sijil VHM hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya.
- 1.4. Pemohon akan diberitahu kelulusan secara bertulis bersama dengan nombor establishmen.

## **2. TEMPOH**

Tempoh sijil ditetapkan 1 tahun sahaja. Pemeriksaan semula (*review audit*) akan dijalankan sebelum tamat tempoh supaya dapat menilai sama ada loji akur dengan syarat-syarat minima VHM yang telah ditetapkan oleh DVS.

## **3. LOGO VHM**

- 3.1. Logo VHM hendaklah menepati spesifikasi yang ditetapkan.
- 3.2. Logo VHM hendaklah dicetak dengan terang pada setiap produk yang dikeluarkan dan pada setiap kotak/bungkusan.
- 3.3. Logo VHM boleh digunakan bagi tujuan iklan.



- 3.4. Penggunaan logo VHM hanya dibenarkan terhadap produk yang disahkan secara rasmi seperti yang tercatat dalam sijil VHM yang dikeluarkan oleh DVS.
- 3.5. Pihak abatoir dan loji pemprosesan hanya dibenarkan mencetak logo VHM menggunakan warna yang telah ditetapkan tanpa mengubah spesifikasi logo asal.

#### **4. SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN LOGO VHM**

##### **4.1 Syarat penggunaan logo**

Semua abatoir dan loji pemprosesan yang telah dianugerahkan sijil VHM dibenarkan menggunakan logo, tertakluk kepada syarat berikut:

